

Eulogi Seratus Perkataan: Silang Budaya Islam-Cina Pada Era Zhu Yuanzhang
(*Eulogy of Hundred Words: Islam-Chinese Cultural Interactions During the Era of Zhu Yuanzhang*)

Ku Boon Dar,^a Mohamad Ainuddin Iskandar Lee bin Abdullah^b & Husairi bin Hussin^c

Abstrak

Baizizan atau Eulogi Seratus Perkataan merupakan manifestasi penghargaan Zhu Yuanzhang terhadap agama Islam semasa era baginda. Eulogi tersebut menunjukkan aspek politik, toleransi beragama dan peranan yang dimainkan oleh masyarakat Islam Cina dalam mempertahankan Dinasti Ming. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kedudukan Baizizan sebagai teks silang budaya yang membentuk perbincangan tentang hubungan Islam-China semasa Dinasti Ming. Justeru, kajian ini menilai pelbagai teks, kandungan inskripsi dan perbandingan dengan sumber sejarah rasmi dan bukan rasmi dengan menggunakan pendekatan filologi, epigrafi dan analisis perbandingan sumber bagi menyaring unsur sejarah yang sahih daripada naratif legenda atau idealisme pasca-Dinasti Ming. Baizizan menjadi wahana strategik hasil gabungan unsur teologi Islam, falsafah Timur dan gaya penulisan klasik Cina dalam usaha Zhu Yuanzhang untuk menyepadukan Islam ke dalam wacana politik negara China. Natijahnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa teks ini bukan sekadar ekspresi toleransi simbolik tetapi merupakan instrumen legitimasi politik yang memperlihatkan strategi integrasi budaya secara berhemah. Tuntasnya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman baharu tentang interaksi agama dan kuasa dalam sejarah China, khususnya semasa Dinasti Ming dalam konteks pembinaan tamadun pelbagai etnik.

Kata kunci: Baizizan, Zhu Yuanzhang, Masyarakat Islam Hui, toleransi beragama, integrasi budaya

Abstract

Baizizan or the Eulogy of One Hundred Words, represents Zhu Yuanzhang's expression of esteem for Islam during his reign. The eulogy reflects political considerations, religious tolerance, and the role played by the Chinese Muslim community in defending the Ming Dynasty. The aim of this study is to examine the position of Baizizan as a cross-cultural text that shaped discourse on Islam-China relations during the Ming period. Accordingly, this research evaluates various textual sources, inscriptional content, and comparisons with both official and unofficial historical records. It employs philological, epigraphic and comparative source analysis in order to distinguish authentic historical elements from legendary narratives or post-Ming idealisation. Baizizan functioned as a strategic medium through the integration of Islamic theology, Eastern philosophy and classical Chinese literary style in Zhu Yuanzhang's effort to incorporate Islam into the political discourse of the Chinese state. The findings demonstrate that the text was not merely an expression of symbolic tolerance, but rather an instrument of political legitimation that illustrates a measured strategy of cultural integration. In conclusion, this study contributes a renewed understanding of the interaction between religion and power in Chinese history, particularly during the Ming Dynasty, within the broader context of multi-ethnic civilisational formation.

^a Ku Boon Dar (corresponding author), Senior Lecturer, History Section, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: kubd@usm.my.

^b Mohamad Ainuddin Iskandar Lee bin Abdullah, Associate Professor and Chief Executive Officer, Institut Tun Perak (ITP), Melaka. Email: m.ainuddin@melaka.gov.my.

^c Husairi bin Hussin, Senior Lecturer, Literature Section, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: husairi.hussin@usm.my.

Keywords: Baizizan, Zhu Yuanzhang, Hui Muslim community, religious tolerance, cultural integration

Pendahuluan

Eulogi Seratus Perkataan yang dikenali dalam bahasa Cina sebagai *Baizizan* merupakan sebuah puisi yang mengandungi seratus aksara, ditujukan sebagai pujian terhadap Islam dan Nabi Muhammad SAW. Karya ini dikarang oleh Zhu Yuanzhang pada pertengahan abad ke-14. Eulogi tersebut menjadi dokumen sejarah yang penting. Meskipun kurang diberi perhatian, namun eulogi ini mencerminkan penghargaan Zhu Yuanzhang terhadap keindahan dan nilai Islam dalam konteks pengasasan Dinasti Ming (1368-1644). Hal ini kerana terasasnya Dinasti Ming tidak dapat dipisahkan daripada sumbangan besar masyarakat Islam Hui yang terlibat secara langsung dalam gerakan pemberontakan menentang Dinasti Yuan (1279-1368). Masyarakat Hui muncul sebagai pendukung setia dalam perjuangan dengan memberikan sokongan ketenteraan yang amat signifikan dan penuh strategi.¹

Peranan mereka terserlah menerusi penglibatan tokoh-tokoh utama seperti Chang Yuchun (1330-1369), Mu Ying (1345-1392), Hu Dahai (meninggal pada 1362), dan Lan Yu (meninggal pada 22 Mac 1393) yang masing-masing memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan Zhu Yuanzhang sebagai pemimpin revolusioner. Dukungan utuh daripada tokoh-tokoh ini menjadi pemangkin kejayaan Zhu Yuanzhang dalam usaha menumbangkan Dinasti Yuan dan akhirnya mengasaskan Dinasti Ming, suatu detik penting dalam sejarah peralihan kuasa di China.

Tokoh-tokoh tersebut bukan sahaja memimpin pasukan tentera dan merangka strategi peperangan yang mantap, malah menzahirkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap Zhu Yuanzhang. Kecekapan mereka dalam medan perang serta komitmen terhadap perjuangan menjadi antara faktor utama kejayaan menyingkirkan pemerintahan Mongol dan membentuk struktur pemerintahan baharu yang berasaskan kerjasama pelbagai etnik dan latar keagamaan.

Umat Islam telah memberikan sokongan yang amat penting semasa pemberontakan Ming. Kemudian, sumber-sumber Islam mengenal pasti Ch'ang Yu-ch'un, [Chang Yuchun], T'ieh Hsuan [Tie Xuan] dan Mu Ying, tiga orang jeneral terkemuka pada awal Dinasti Ming, sebagai sebahagian daripada komuniti mereka.²

Penglibatan aktif para jeneral Muslim tersebut turut melahirkan ungkapan yang masyhur dalam wacana sejarah, seperti "*Sepuluh Muslim Melindungi Zhu*" (Shi Hui Wei Zhu) dan "*Sepuluh Hui Mempertahankan Ming*" (Shi Hui Bao Ming), yang menggambarkan betapa signifikan peranan mereka dalam mendukung dan mempertahankan sendi penubuhan Dinasti Ming.³

¹ Asal usul masyarakat Hui dapat ditelusuri sejak zaman Dinasti Tang (abad ke-7 hingga abad ke-10), yang terbentuk daripada keturunan para pedagang, pegawai, askar serta tukang dari Asia Tengah dan Timur Tengah. Setelah beratus-ratus tahun menetap di China serta berkahwin dengan penduduk tempatan, mereka akhirnya membentuk satu kelompok etnik baharu dalam struktur masyarakat China dan dikenali dengan nama "Huihui" (回回). Sila lihat Zhou, Chuanbin, Ping Shang, and Wenkui Ma. 2024. "The Prophet's Day in China: A Study of the Inculturation of Islam in China, Based on Fieldwork in Xi'an, Najiaying, and Hezhou" *Religions* 15, no. 6: 3. <https://doi.org/10.3390/rel15060630>.

² Derk Bodde, *Chinese Ideas about Nature and Society: Studies in Honour of Derk Bodde* (Hong Kong: Hong Kong University Press, 1987), 185.

³ *Sepuluh Muslim Melindungi Zhu* (十回卫朱, *Shi Hui Wei Zhu*) dan *Sepuluh Hui Mempertahankan Ming* (十回保明, *Shi Hui Bao Ming*) mencerminkan hubungan erat antara komuniti Muslim Hui dengan pemimpin agung Dinasti Ming, Zhu Yuanzhang. Melalui kisah ini, tersingkap satu naratif yang mengangkat keberanian, kesetiaan, dan pengorbanan sepuluh pahlawan Muslim dalam melindungi Zhu semasa detik-detik genting perjuangannya menentang Dinasti Yuan dan membina asas kerajaan baharu. Sila lihat Shujiang Li and Zhengwei Wang, *Huizu*

Hubungan politik yang terjalin antara Zhu Yuanzhang dan masyarakat Muslim kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk dasar pentadbiran yang lebih inklusif. Selepas pertabalannya sebagai maharaja pada tahun 1368, baginda mengambil langkah mengiktiraf kedudukan masyarakat Islam, termasuk pembinaan masjid di pusat-pusat utama seperti Nanjing dan Xi'an sebagai simbol pengiktirafan institusi terhadap komuniti tersebut.⁴

Walau bagaimanapun, pengiktirafan tersebut tidak hanya terhad pada tindakan pentadbiran, tetapi turut dimanifestasikan dalam wacana tekstual istana. Dalam konteks inilah *Baizizan* perlu difahami dengan lebih tuntas. Menurut sarjana seperti Liu Zhi, Sha Zongping dan Xiang Shuchen, karya ini dikaitkan dengan Zhu Yuanzhang dan ditafsirkan sebagai pernyataan simbolik yang mengangkat Islam dalam kerangka politik dan budaya Dinasti Ming.⁵ Karya ini ditafsirkan sebagai manifestasi penghormatan Zhu Yuanzhang selaku Maharaja Dinasti Ming, terhadap agama Islam serta usaha sistematik baginda untuk menginstitusikan dan mengangkat martabat agama tersebut dalam kerangka wacana budaya istana.⁶ Oleh itu, *Baizizan* bukan sekadar bukti toleransi beragama, tetapi merupakan sumber tekstual yang memperlihatkan bagaimana Islam dirumuskan dalam bahasa simbolik istana, sekali gus mencerminkan strategi integrasi dan legitimasi dalam pembinaan negara Ming. Analisis terhadap teks ini menjadi teras perbincangan kajian, manakala latar ketenteraan dan hubungan politik berfungsi sebagai konteks yang menjelaskan kemunculannya. Natijahnya, sebagai tanda penghormatan rasmi daripada pihak istana, *Baizizan* telah diukir dan dipamerkan di masjid-masjid utama, menjadikannya simbol penghargaan diraja terhadap Islam.

Di masjid-masjid di Nanjing, Wuchang dan beberapa lokasi lain, terpapar dengan bangganya sebuah eulogi yang mengandungi seratus perkataan sebagai pujian terhadap Nabi Muhammad SAW. Eulogi tersebut dikaitkan dengan Maharaja pertama Dinasti Ming, iaitu T'ai-tsu (Taizu), pada tahun 1368, dan kemudiannya disalin semula pada tahun 1375.⁷

Menurut kajian Muhamad Elsayed, tindakan ini mencerminkan pendekatan strategik Zhu Yuanzhang dalam mengurus kerencaman etnik dan agama di bawah naungan Dinasti Ming. Melalui simbolisme yang bersifat penyatuan ini, baginda berusaha memupuk kesetiaan serta memperkukuh keharmonian dalam kalangan rakyat jelata China yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan kepercayaan.⁸ Menjelang dekad 1380-an, baginda telah melancarkan satu siri reformasi yang bertujuan untuk menyediakan akses yang lebih teratur dan meluas kepada cabang-cabang pengetahuan Arab-Parsi yang tertentu di istana China.⁹

Pendekatan strategik ini tidak sekadar menjamin kelangsungan sokongan terhadap kekuasaan baginda, bahkan turut membentuk persekitaran harmoni yang mendukung pengasasan dan perkembangan awal Dinasti Ming sebagai entiti pemerintahan yang berdaya stabil dan mengutamakan prinsip keterangkuman.

Minjian Gushi Xuan 回族民間故事選 [Selected Hui Folk Stories], Zhongguo Shaoshu Minzu Minjian Wenxue Congshu: Gushi Daxi (Shanghai: Shanghai Wenyi Chubanshe, n.d.).

⁴ Zhiping Liu, *Zhongguo Yisilan Jiao Jianzhu* 中國伊斯蘭教建築 [Islamic Architecture in China] (Urumqi: Xinjiang Renmin Chubanshe, 1985), 6.

⁵ Zongping Sha and Shuchen Xiang, *The Islamic-Confucian Synthesis in China* (Lanham, MD: Rowman & Littlefield, 2023), 33.

⁶ Liu Zhi 劉智, *Zhisheng Tianfang Shilu* 至聖天方實錄 [Catatan Tulen Tanah Suci Islam], vol. 20 (Beijing: Zhongguo Yisilanjiao Xiehui, 1984).

⁷ Derk Bodde, *Chinese Ideas about Nature and Society Studies in Honour of Derk Bodde*, 185.

⁸ Muhamad Elsayed Ibrahim Abdou, "Zhongguo de Jiaofa Shi (Zi Yisilan Ruhua zhi 20 Shiji)" [History of Islamic Fiqh in China: From the Introduction of Islam into China to the 20th Century], *Risalat al-Mashriq* 37, no. 4 (November 2022): 383.

⁹ Dror Weil, "Crossing Boundaries: Reading *Mirṣād al-ʿIbād* in Early Modern China (Redrawing and Straddling Borders)," *International Journal of Asian Studies* (2024): 2, <https://doi.org/10.1017/S1479591423000475>.

Dalam kerangka sejarah dinasti-dinasti China, tindakan Zhu Yuanzhang ini boleh dianggap sebagai antara contoh terawal kebijakan pemerintahan yang merangkul elemen pluralisme sebagai asas pembentukan negara-bangsa.¹⁰ Kalangan sarjana seperti Edward Dreyer, Morris Rossabi, Jonathan Lipman dan John L. Esposito sependapat bahawa Zhu Yuanzhang telah memperlihatkan kebijaksanaan pemerintahan yang bersifat inklusif dengan merangkul kerencaman etnik dan agama dalam pembentukan Dinasti Ming. Baginda bukan sahaja mengekalkan beberapa elemen pentadbiran warisan Mongol yang berkesan, malah membuka ruang yang luas kepada masyarakat Islam untuk menyumbang secara langsung dalam struktur pemerintahan negara.

Hal ini dizahirkan melalui pelantikan beberapa individu Muslim ke jawatan-jawatan penting serta pembangunan institusi-institusi keagamaan yang diiktiraf oleh Dinasti Ming. Pendekatan ini, menurut para sarjana tersebut, mencerminkan kematangan kepemimpinan Zhu Yuanzhang yang menitikberatkan keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat majmuk di China.¹¹ Edward Farmer merumuskan bahawa era pemerintahan Zhu Yuanzhang menyaksikan penstrukturan semula aktiviti keagamaan secara signifikan, termasuk upacara perhubungan dengan entiti ketuhanan, diiringi reformasi undang-undang yang berterusan selama lebih tiga dekad. Beliau berhujah bahawa:

Amalan keagamaan telah disusun semula, demikian juga dengan ritual yang bertujuan untuk berhubung dengan langit dan kuasa-kuasa spiritual. Sepanjang pelaksanaan pembaharuan tersebut, pelbagai kod perundangan telah digubal, diteliti, disemak dan diterbitkan semula dalam tempoh kira-kira tiga puluh tahun [1368–1398].¹²

***Baizizan* dan Perdebatan tentang Keasliannya**

Namun demikian, kedudukan *Baizizan* dalam wacana sejarah dan kesusasteraan Islam di China masih menjadi medan perbahasan dalam kalangan sarjana. Kewujudan pelbagai versi teks eulogi tersebut, perbezaan dalam susunan aksara, serta ketiadaan bukti yang benar-benar kukuh dalam sumber primer Dinasti Ming menimbulkan persoalan akan keasliannya sebagai karya yang dikarang sendiri oleh Zhu Yuanzhang. Persoalan ini turut memberikan peluang untuk penafsiran kritis berhubung tahap kesahihan eulogi tersebut sebagai cerminan pandangan rasmi istana terhadap Islam pada era tersebut.

Sarjana seperti Abdul Karim Bangura menafsirkan *Baizizan* sebagai manifestasi usaha politik dan simbolik yang bertujuan merapatkan hubungan antara pemerintah Dinasti Ming dengan masyarakat Muslim.¹³ Dalam kerangka ini, eulogi tersebut ditafsirkan sebagai alat diplomasi budaya yang mengangkat unsur keagamaan sebagai wahana untuk memperkukuh kestabilan sosial serta mengukuhkan legitimasi pemerintahan Zhu Yuanzhang. Tindakan ini mencerminkan kepekaan Zhu Yuanzhang terhadap keperluan mendukung perpaduan dalam masyarakat majmuk, selaras dengan strategi membina asas yang kukuh bagi dinasti yang baru

¹⁰ Liu Zhi, *Zhisheng Tianfang Shilu*, vol.20.

¹¹ Untuk perincian kupasan pentadbiran awal Dinasti Ming semasa Zhu Yuanzhang. Sila rujuk Edward L. Dreyer, *Early Ming China: A Political History, 1355–1435* (Stanford, CA: Stanford University Press, 1982); Morris Rossabi, *A History of China* (Chichester: Wiley-Blackwell, 2010); Jonathan N. Lipman, *Familiar Strangers: A History of Muslims in Northwest China* (Seattle: University of Washington Press, 1997); John L. Esposito, ed., *The Oxford History of Islam* (New York: Oxford University Press, 2000).

¹² Edward Farmer, *Zhu Yuanzhang and Early Ming Legislation*, 10.

¹³ Abdul Karim Bangura, *Emperor Zhu Yuanzhang's Eulogy of the Prophet Muhammad: Historical, Literary, and Linguistic Analyses* (Lanham, MD: Lexington Books, 2022), 28–29.

diasaskan.¹⁴ Namun, terdapat juga pandangan yang lebih kritikal, sebagaimana yang dikemukakan oleh Ma Haiyun dan Brendan Newlon, yang berpendapat bahawa eulogi tersebut berkemungkinan besar disusun selepas zaman Ming. Menurut mereka, *Baizizan* dilihat sebagai suatu bentuk naratif retrospektif yang bertujuan mengidealisasikan hubungan antara negara China dan Islam. Pandangan ini disandarkan pada ketiadaan bukti sejarah yang tuntas lagi kukuh dari sumber primer era Dinasti Ming, sekali gus menimbulkan keraguan terhadap keaslian eulogi tersebut sebagai hasil karya Zhu Yuanzhang sendiri.¹⁵

Oleh yang demikian, kajian ini yang berasaskan pendekatan filologi, epigrafi dan analisis perbandingan sumber mempunyai signifikansi yang besar dalam usaha menapis unsur sejarah yang sahih daripada naratif legenda atau idealisme pasca-Dinasti Ming. Dalam konteks filologi, kajian ini meneliti variasi teks *Baizizan* yang terdapat dalam manuskrip dan salinan inskripsi yang berbeza, dengan memberi perhatian kepada pilihan leksikal, struktur sintaksis serta kemungkinan interpolasi atau penambahan kemudian. Analisis ini turut melibatkan perbandingan istilah-istilah keagamaan yang digunakan dalam teks dengan kosa kata Islam dalam sumber-sumber Cina sezaman bagi menentukan tahap keaslian dan keseragaman wacana. Pendekatan epigrafi pula dilaksanakan melalui penelitian terhadap bentuk tulisan, gaya kaligrafi, bahan inskripsi serta konteks penempatannya di masjid atau ruang institusi tertentu, bagi menilai dimensi material dan simbolik teks tersebut. Unsur tarikh, formula pujian serta laras bahasa istana yang tertera pada inskripsi dianalisis untuk menentukan kesesuaiannya dengan amalan birokrasi era Zhu Yuanzhang. Analisis perbandingan sumber pula dilakukan dengan merujuk catatan sejarah rasmi seperti *Ming Shilu* dan sumber bukan rasmi termasuk karya sarjana Muslim China bagi mengenal pasti keselarasan atau percanggahan naratif.

Pendekatan interdisiplin yang diterapkan dalam kajian ini bukan sahaja memperluas horizon pemahaman terhadap hubungan sejarah antara Islam dan institusi kenegaraan di China, malah pendekatan ini membolehkan analisis yang lebih mendalam tentang bagaimana elemen keagamaan digunakan sebagai wasilah legitimasi politik dan pemantapan struktur pemerintahan Dinasti Ming, sekali gus membuka ruang baharu bagi perbincangan akademik tentang hubungan antara agama, kuasa, dan budaya dalam konteks sejarah China. Dengan perincian metodologi ini, *Baizizan* tidak hanya dibaca sebagai teks pujian, tetapi sebagai sumber sejarah yang dinilai melalui prosedur ilmiah yang sistematik dan dapat dipertanggungjawabkan.

Sorotan Kajian

Minat dalam kalangan sarjana terhadap *Baizizan*, ternyata bukan sekadar bersifat sejarah atau agama semata-mata, malah meliputi dimensi bahasa, falsafah dan budaya yang lebih luas. Eulogi ini dilihat sebagai manifestasi interaksi kompleks antara persilangan budaya dan strategi politik pada fasa awal penubuhan Dinasti Ming. Justeru, *Baizizan* menjadi objek kajian penting dalam menelusuri sejauh mana peranan Islam bukan sahaja dalam ranah kerohanian, tetapi juga dalam konteks pembinaan wacana negara dan keabsahan kuasa Dinasti Ming.¹⁶

¹⁴ Brandon Newlon, "Praising the Prophet Muhammad in Chinese: A New Translation and Analysis of Emperor Zhu Yuanzhang's Ode to the Prophet," *The Matheson Trust*, accessed March 13, 2024, https://www.themathesontrust.org/papers/fareasternreligions/Newlon-Praising_the_Prophet.pdf.

¹⁵ Ma Haiyun and Brendan Newlon, "Praising the Prophet Muhammad in Chinese: A New Translation and Analysis of Emperor Zhu Yuanzhang's Ode to the Prophet," in *Islam and New Directions in World Literature*, ed. Sarah R. Bin Tyer and Claire Gallien (Edinburgh: Edinburgh University Press, 2022), 271-94.

¹⁶ Zhu Yuanzhang berasal daripada keluarga petani miskin dan bukan daripada golongan bangsawan atau berketurunan diraja. Justeru, kebangkitannya melalui pemberontakan menentang Dinasti Yuan menimbulkan keraguan awal terhadap kesahihan Mandat Syurga yang menjadi asas keabsahan pemerintahan baharu di China.

Ma Haiyun dan Brendan Newlon, misalnya, telah meneliti kandungan *Baizizan* dari sudut pandang sejarah dan wacana agama. Mereka memperdebatkan bahawa keterbukaan Zhu Yuanzhang terhadap Islam bukan sekadar mencerminkan strategi politik untuk meraih kesetiaan masyarakat Muslim Hui, tetapi juga mungkin merupakan manifestasi suatu bentuk penghayatan peribadi yang tulus terhadap ajaran Islam. Dalam analisis mereka, tersirat kemungkinan bahawa Zhu Yuanzhang tidak hanya memanfaatkan Islam sebagai instrumen legitimasi politik, tetapi turut menunjukkan keterpengaruhan intelektual dan spiritual terhadap prinsip-prinsip ajaran Islam. Kajian ini sekali gus membuka ruang kepada perdebatan yang lebih mendalam mengenai dimensi kerohanian dalam kepemimpinan seorang maharaja China awal Dinasti Ming.¹⁷ Lebih menarik lagi, sejarawan terkemuka Bai Shouyi (Jamal al-Din) turut mengemukakan pandangan yang mengaitkan hubungan Zhu Yuanzhang dengan Islam melalui asal-usul keluarganya. Menurut beliau, latar belakang etnik Hui yang beragama Islam telah membentuk sebahagian daripada identiti awal Zhu Yuanzhang. Dalam catatannya, Bai menyatakan: “Seperti yang telah diwarisi kepada kita, Maharaja Taizu [Zhu Yuanzhang] dari Dinasti Ming asalnya merupakan keturunan kaum etnik Hui [Islam]...”¹⁸ Pandangan ini membuka wacana yang lebih luas tentang kemungkinan adanya hubungan darah dan budaya yang lebih mendalam antara institusi diraja Dinasti Ming dengan masyarakat Muslim. Bahkan, menurut beliau lagi, keberangkatan Maharaja Jianwen, maharaja ketiga Dinasti Ming ke Mekah bertujuan menunaikan ibadah haji, sekaligus menunjukkan kesinambungan hubungan istana dengan Islam dalam konteks spiritual dan simbolik.”¹⁹

Selain itu, faktor penting yang sering dikemukakan ialah latar belakang Permaisuri Ma, isteri Zhu Yuanzhang, yang menurut beberapa catatan sejarah, berasal daripada keturunan Hui Muslim. Keluarga Ma bukan sahaja dikenali dalam kalangan masyarakat Islam tempatan, malah dipercayai memainkan peranan dalam memperkenalkan unsur-unsur budaya Islam dalam lingkungan istana.²⁰ Pengaruh ini menurut Tan Ta Sen turut membentuk persekitaran sosial serta nilai-nilai yang menyelubungi pemerintahan Zhu Yuanzhang, yang kemudian diterjemahkan dalam bentuk dasar toleransi dengan pelantikan tokoh-tokoh Muslim ke dalam struktur pentadbiran awal pemerintahan Dinasti Ming.²¹

Di samping itu, beberapa analisis terhadap adat pengebumian Zhu Yuanzhang menggariskan adanya persamaan signifikan dengan amalan pengebumian yang diamalkan dalam tradisi Islam. Antaranya amalan mengkafan jenazah dengan kain putih. Dikatakan bahawa semasa muda, Zhu Yuanzhang mengkafankan jenazah keluarganya dengan kain putih, yang merupakan amalan dalam pengebumian Islam.²² Walau bagaimanapun, dapatan ini masih bersifat tentatif dan memerlukan kajian rinci yang lebih menyeluruh terhadap upacara pemakaman kerabat diraja pada era Dinasti Ming.

Jika dianalisis dari sudut bentuk penulisan, *Baizizan* menggunakan struktur puisi klasik Cina, namun kandungannya sarat dengan konsep-konsep utama dalam teologi Islam. Antara yang menonjol ialah rujukan kepada *nur Muhammadiyya* (Cahaya Muhammad) dan *shahada*

¹⁷ Ma and Newlon, “Praising the Prophet Muhammad in Chinese,” 271-294.

¹⁸ Bai Shouyi 白壽彝, *Zhongguo Yisilan Shi Gangyao* 中國伊斯蘭史綱要 [Outline of Chinese Islamic History] (Shanghai: Wentong Shuju Yinhang, 1948), 35, <https://taiwanebook.ncl.edu.tw/zh-tw/book/NCL-003183111/reader>.

¹⁹ Maharaja Jianwen adalah cucu kepada Zhu Yuanzhang dan merupakan maharaja kedua Dinasti Ming. Sila lihat Bai, Shouyi. *Zhongguo Yisilan Shi Gangyao*. Lihat juga Yusuf Chang, “The Ming Empire: Patron of Islam in China and Southeast-West Asia,” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 61, no. 2 (255) (1988): 1-44.

²⁰ Ma Ci Bo, *Yisilan Jiao zai Zhongguo* 伊斯蘭教在中國 [Islam in China] (Taipei: Tangshan Chubanshe, 2001), 10.

²¹ Tan Ta Sen, *Cheng Ho and Islam in Southeast Asia* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009), 170.

²² “The History of Ming Dynasty,” *Dynasties of China*, accessed June 14, 2025, <https://www.hceis.com/chinabasic/history/ming%20dynasty%20history.htm>

(kesaksian tauhid), yang disampaikan melalui istilah serta frasa yang mencerminkan unsur hukum dan prinsip keimanan Islam. Pendekatan ini memperlihatkan suatu sintesis linguistik yang unik yakni gabungan antara gaya kesusasteraan klasik Cina dengan kandungan kerohanian Islam. Ia suatu fenomena yang amat jarang ditemui dalam tradisi penulisan istana pada era Dinasti Ming.

Gabungan ini bukan sahaja memperkaya nilai estetika teks, malah mencerminkan tahap interaksi intelektual dan budaya yang merentas sempadan agama dan bahasa. Penulisan sedemikian menjadi bukti kepada keupayaan wacana keagamaan Islam untuk menyesuaikan dirinya dalam kerangka budaya asing tanpa menjejaskan inti pati ajarannya.

Sementara itu, analisis dari sudut kesusasteraan memperlihatkan kecenderungan yang menzahirkan jalinan halus antara ajaran tasawuf (Sufi) dan kerangka etika Konfusianisme. Menurut Qin Zhitang dan Fu Tongxian, bait-bait dalam eulogi tersebut memancarkan penghormatan yang mendalam terhadap prinsip-prinsip inti ajaran Islam, khususnya dari dimensi kerohanian, namun dalam masa yang sama selaras dengan nilai moral Konfusian seperti kemanusiaan, kesopanan, kebenaran, kebijaksanaan dan kejujuran.²³ Nilai-nilai moral Konfusian berperanan besar dalam membentuk masyarakat yang beretika, stabil dan beradab. Namun dalam konteks ini, kesatuan elemen tersebut dirajut secara kreatif dalam sulaman harmoni yang indah.

Ciri-ciri sinkretisme yang terkandung dalam *Baizizan* telah mendorong para pengkaji untuk menilai semula teks ini bukan sekadar sebagai tinggalan sejarah atau artifak arkeologi daripada zaman Dinasti Ming.²⁴ Sebaliknya, ia diangkat sebagai sumber bertulis yang memperlihatkan bukti jelas tentang dasar budaya Dinasti Ming yang bersifat terbuka dan menyeluruh. Dalam erti kata lain, *Baizizan* menjadi simbol kecenderungan budaya pemerintahan Zhu Yuanzhang yang cenderung menyatukan pelbagai anutan agama dan aliran falsafah sebagai sebahagian daripada strategi untuk membina kestabilan sosial dan keabsahan politik. Tanggapan ini sejajar dengan dapatan kajian Haiyun Ma dan Brendan Newlon yang menyatakan bahawa: “*Bagi Zhu [Yuanzhang] khususnya, pengetahuan tentang adat dan amalan masyarakat Islam merupakan suatu keperluan yang praktikal atas pertimbangan diplomatik, ekonomi, politik dan bahkan peribadi.*”²⁵ Kenyataan ini menegaskan bahawa keterbukaan terhadap ajaran dan agama Islam bukanlah bersifat retorik semata-mata, tetapi didorong oleh pertimbangan yang bersifat pragmatik dan strategik dalam konteks pemerintahan sebuah negara yang berbilang etnik dan agama di China.

Lantaran itu, *Baizizan* wajar diberikan tempat yang istimewa dalam khazanah kesusasteraan dan wacana sejarah peradaban China apabila membincang tentang Islam. Naskhah ini bukan sekadar memperlihatkan kepekaan budaya dan pemikiran Zhu Yuanzhang, malah turut menyingkap potensi wujudnya keharmonian antara peradaban apabila asasnya dibina atas kefahaman yang mendalam serta penghargaan silang budaya yang tulus.

²³ Qin Zhitang (秦志棠) ialah sarjana sejarah dan orientalis China abad ke-20 yang terkenal dengan kepakarannya dalam sejarah hubungan China–Islam serta pengkajian sastra Islam Cina, khususnya melalui analisis dan penerbitan semula puisi *Bai Zi Zan* yang memuji Nabi Muhammad SAW. Manakala Fu Tongxian pula seorang penyunting teks klasik, turut menyumbang dengan menyusun versi lain puisi tersebut serta memberikan komentar perbandingan antara naskhah asal dan salinan pelbagai edisi, yang kemudiannya dijadikan rujukan dalam kajian tekstual oleh para sarjana.

²⁴ Sila lihat “The Hundred-Word Eulogy (Baizizan),” *The Matheson Trust*, accessed June 14, 2025, <https://www.themathesontrust.org/library/hundred-word-eulogy-baizizan>

²⁵ Ma Haiyun dan Brendan Newlon. “*Praising the Prophet Muhammad in Chinese*,” 276.

Dalam kerangka yang lebih luas, *Baizizan* menjadi saksi sejarah bahawa dialog antara agama dan budaya bukan suatu angan-angan idealisme, sebaliknya suatu realiti yang pernah terlakar dengan gemilang dalam lipatan tamadun China. Warisan intelektual ini mengukuhkan keyakinan bahawa keterbukaan budaya serta saling pengiktirafan antara tradisi mampu membina jalinan peradaban yang saling memperkaya dan memperkukuh asas nilai sejagat.

Dalam konteks sejarah dan kerangka pemikiran strategik Dinasti Ming, penulisan *Baizizan* merupakan bukti signifikan terhadap layanan baik serta pengiktirafan Zhu Yuanzhang selaku Maharaja Ming terhadap agama Islam dan para penganutnya. Penulisan eulogi ini tidak sekadar bersifat simbolik, malah menggambarkan dasar pemerintahan yang mendalam, berpaksikan realiti politik, hubungan kuasa, serta usaha membentuk keharmonian etno-agama dalam masyarakat majmuk China. Ia turut mencerminkan hasrat Dinasti Ming pada era awal pengasasannya untuk membina struktur sosial yang stabil dan inklusif, dengan menjadikan pengiktirafan terhadap kepelbagaian budaya dan agama sebagai sebahagian daripada strategi negara yang berwawasan jauh.

Haiyun Ma dan Brendan Newlon berhujah bahawa pujian terhadap Nabi Muhammad SAW oleh Maharaja Zhu Yuanzhang mencerminkan strategi politik untuk mengukuhkan hubungan dengan masyarakat Muslim yang berpengaruh, termasuk tokoh-tokoh ketenteraan seperti Hu Dahai dan Chang Yuchun. Apatah lagi menurut kajian mereka, Zhu Yuanzhang dikenang sebagai seorang pemerintah yang mendokong Islam dan mengagumi tradisi keislaman. Sepanjang hayatnya, beliau dikatakan sentiasa dikelilingi oleh tokoh-tokoh Muslim, sama ada dalam urusan peribadi mahupun hal ehwal rasmi kenegaraan.²⁶ Penglibatan tokoh-tokoh Muslim ini dalam struktur kuasa Dinasti Ming menunjukkan bahawa sokongan terhadap Islam mungkin didorong oleh pertimbangan politik dan keperluan untuk mengekalkan kestabilan. Sebagaimana pandangan Tan Ta Sen bahawa sokongan dalam kalangan masyarakat Muslim bukan sahaja menonjolkan jasa mereka, tetapi juga mencerminkan tahap kepercayaan Zhu Yuanzhang terhadap masyarakat Muslim dalam pembentukan empayar baharu.²⁷

Hubungan strategik antara pemimpin Dinasti Ming dan tokoh-tokoh Muslim dipercayai telah mempengaruhi pendekatan pentadbiran Zhu Yuanzhang terhadap komuniti Islam selepas baginda ditabalkan sebagai Maharaja. Kesetiaan yang ditunjukkan oleh para jeneral Muslim dalam gerakan penentangan terhadap Dinasti Yuan telah memberikan asas yang kukuh kepada dasar toleransi dan pendamaian yang diterapkan oleh Zhu Yuanzhang terhadap umat Islam.

Dasar ini kemudiannya dizahirkan melalui beberapa langkah yang berimpak besar, antaranya pembinaan masjid di bandar-bandar utama, pelantikan pegawai-pegawai beragama Islam dalam struktur pentadbiran negara, serta pengiktirafan rasmi terhadap kedudukan Islam dalam kerangka sosio-politik Dinasti Ming. Langkah-langkah ini mencerminkan keterbukaan kerajaan Ming terhadap kepelbagaian agama dan peranan signifikan komuniti Muslim dalam pembinaan negara pasca kejatuhan Dinasti Yuan:

Sebagai contoh, pada tahun-tahun awal pemerintahan Maharaja Hongwu, iaitu Zhu Yuanzhang dari Dinasti Ming, baginda telah memerintahkan pembinaan masjid di Xijing dan Nanjing, yakni kota-kota utama pada ketika itu, serta di wilayah selatan seperti Yunnan, Fujian dan Guangdong. Selain itu, baginda juga secara peribadi telah menulis *Baizizan*, iaitu sebuah eulogi yang memuji keutamaan dan kemuliaan akhlak Nabi Muhammad SAW.²⁸

²⁶ Ma and Newlon, "Praising the Prophet Muhammad in Chinese," 273.

²⁷ Tan Ta Sen. *Cheng Ho and Islam in Southeast Asia*, 170.

²⁸ Maria Jaschok and Jingjun Shui, *The History of Women's Mosques in Chinese Islam*, 77.

Langkah-langkah ini mencerminkan suatu usaha sadar untuk menginstitusikan keharmonian antara etnik dan agama sebagai tonggak kestabilan pemerintahan. Masjid-masjid yang didirikan, khususnya di pusat-pusat pemerintahan seperti Nanjing dan Wuchang, serta integrasi komuniti Muslim ke dalam kerangka pentadbiran negara, menjadi bukti nyata bahawa agama telah dimanfaatkan sebagai medium untuk menjana kestabilan serta memperkukuh kesetiaan politik.²⁹

Pendekatan ini, menurut Jaschok dan Shui, mencerminkan kematangan Zhu Yuanzhang dalam menangani kerencaman budaya dan agama dalam kalangan rakyatnya. Malah, strategi ini turut selari dengan prinsip-prinsip teras Konfusianisme dalam pemerintahan yang menekankan keharmonian sosial, keteraturan moral, dan penghargaan terhadap kepelbagaian etnik sebagai asas kestabilan negara. Dalam konteks ini, tindakan Zhu Yuanzhang dilihat bukan sahaja bersifat pragmatik, tetapi juga berakar pada falsafah pemerintahan yang mementingkan penyatuan dalam kepelbagaian.³⁰

Sementara itu, Abdul Karim Bangura berpandangan bahawa *Zhisheng Baizizan* perlu ditanggapi bukan semata-mata sebagai sebuah puisi istana, tetapi juga sebagai dokumen sejarah dan karya agung kesusasteraan yang melambangkan pertukaran budaya yang dinamik dalam era Dinasti Ming. Menurut beliau, kandungan eulogi ini memperlihatkan kebijaksanaan Zhu Yuanzhang dalam menggabungkan pelbagai tradisi keagamaan dalam kerangka sistem pemerintahannya. Strategi ini bukan sahaja mencerminkan keterbukaan terhadap Islam, malah turut menyerlahkan keupayaan intelektual dan visi jauh Zhu Yuanzhang dalam merangka dasar kebudayaan yang inklusif.³¹

Justeru, *Baizizan* wajar ditanggapi sebagai sebahagian daripada strategi intelektual dan budaya yang membentuk wajah awal pemerintahan Dinasti Ming. Penegasan ini secara langsung menjawab persoalan utama kajian, iaitu bagaimana teks tersebut berfungsi dalam kerangka hubungan antara agama dan kuasa dalam sejarah China. Naskhah ini bukan sekadar simbol pengiktirafan terhadap agama Islam, bahkan berperanan sebagai wahana yang memperlihatkan visi kepemimpinan Zhu Yuanzhang yang bertunjangan kerukunan antara agama, kebijaksanaan dalam mengurus kepelbagaian, serta usaha memupuk perpaduan etnik dalam persekitaran sosial yang majmuk dan mencabar.

Teks *Baizizan*

Antara hujah utama yang dikemukakan untuk menyokong pertautan tersebut ialah kewujudan dua aksara Cina yang terukir pada batu bersurat *Baizizan* yakni perkataan *Chi Ci* (敕賜), yang membawa maksud “dikurniakan oleh maharaja.” Lantaran itu, frasa ini ditafsirkan oleh sesetengah pihak sebagai merujuk secara langsung kepada Maharaja Zhu Yuanzhang, sekali gus memperkukuh dakwaan bahawa eulogi itu merupakan titah rasmi dari istana.³²

Disusun dalam bentuk yang padat namun elegan, eulogi ini memancarkan pujian tinggi terhadap Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin rohani sejagat, melalui gaya bahasa klasik yang menggabungkan unsur teologi Islam dengan ekspresi kesusasteraan Cina. Penyatuan kedua-dua elemen ini menjadikan *Baizizan* bukan sekadar karya yang memuatkan nilai keagamaan, tetapi juga dokumen budaya yang mencerminkan kemungkinan percubaan awal

²⁹ Derk Bodde, *Chinese Ideas about Nature and Society*, 185.

³⁰ Maria Jaschok and Jingjun Shui, *The History of Women's Mosques in Chinese Islam*, 77.

³¹ Abdul Karim Bangura, *Emperor Zhu Yuanzhang's Eulogy of the Prophet Muhammad*, 28-29.

³² Sila lihat Ma Haiyun dan Brendan Newlon. “Praising the Prophet Muhammad in Chinese,” 271–94.

untuk mengungkapkan ajaran Islam dalam kerangka linguistik dan budaya masyarakat Cina pada zaman Dinasti Ming. Terjemahan dalam inskripsi eulogi seperti berikut:³³

Sejak terciptanya alam semesta,
Nama baginda telah tercatat di Luh Mahfuz.
Rasul agung penyampai wahyu,
Dilahirkan di wilayah Barat.
Menerima dan menyampaikan kitab suci,
Terdiri daripada tiga puluh juzuk, membimbing seluruh umat.
Pemimpin kepada sekalian raja,
Ketua kepada segala nabi.
Bersama takdir Ilahi,
Melindungi umatnya.
Lima waktu solat didirikan,
Dengan doa yang sunyi memohon keamanan.
Hatinya tertumpu kepada Tuhan Yang Maha Esa,
Memberi kekuatan kepada golongan miskin.
Menyelamatkan mereka dari kesusahan,
Mengetahui perkara ghaib.
Mengangkat roh dan jiwa,
Membebaskan dari segala dosa.
Kasih sayangnya meliputi seluruh alam,
Jalan yang menobatkan segala zaman,
Menolak kekarutan, kembali kepada Yang Esa
Agama ini dinamakan Islam.
Muhammad, insan mulia yang paling agung
(*Tahun pertama pemerintahan Zhu Yuanzhang*)

Retorik, Nilai dan Naratif Intelektual dalam *Baizizan*

Struktur *Baizizan* bermula dengan pengagungan Nabi Muhammad SAW sebagai asas susunan kosmik, digelar sebagai “insan mulia yang paling agung” yang membawa ajaran suci kepada seluruh makhluk. Ungkapan seperti “membimbing seluruh umat” memperlihatkan pengaruh gaya linguistik sutra Buddha, mencerminkan usaha menyatupadukan ajaran Islam dalam kerangka budaya falsafah Cina yang luas. Penggabungan motif Islam dalam falsafah Cina dilaksanakan secara strategik, menandakan usaha menyesuaikan prinsip Islam dengan sistem nilai dan kepercayaan tempatan China.

Melalui metafora yang lebih halus, susunan puisi klasik serta tema sejagat seperti pengabdian, keadilan dan kasih sayang, *Baizizan* menjadi medium penyampaian nilai Islam dalam wacana etika dan kerohanian masyarakat Cina era Dinasti Ming. Bahagian tengah puisi menonjolkan keperibadian Rasulullah SAW, termasuk sifat penyayang, *'ismah* (kesucian daripada dosa), dan kedudukannya sebagai teladan unggul, sejajar dengan ideal Konfusian tentang pemimpin bermoral tinggi. Pengolahan ini memperlihatkan usaha mendamaikan dua tradisi pemikiran besar, Islam dan Konfusianisme dalam ruang pemahaman yang saling memperkaya.

Bahagian penutup menyeru kepada tauhid, antaranya menerusi frasa seperti “menolak kekarutan, kembali kepada Yang Esa” merujuk langsung kepada korpus ilmu Usuluddin serta prinsip *shahada*. Rujukan kepada “ajaran suci dan benar” mengangkat Islam sebagai agama

³³ Analisis teks daripada bahasa Cina ke bahasa Inggeris boleh dirujuk melalui “The Hundred-Word Eulogy (Baizizan).”

kebenaran sejagat, disampaikan melalui retorik puisi yang sarat pujian dan pengajaran menjadikan *Baizizan* bentuk dakwah yang berseni tetapi tetap berprinsip.

Lantaran itu, *Baizizan* menampilkan sintesis unik antara gagasan teologi Islam dan estetika kesusasteraan klasik Cina. Rujukan kepada “kitab suci syurga” (al-Qur’an), frasa “tiga puluh juzuk” serta ungkapan seperti “kasih sayangnya meliputi seluruh alam” seiring dengan prinsip *rahmatan lil-‘alamin* dan memperlihatkan Islam sebagai ajaran yang inklusif dan serasi dengan budaya ketimuran.

Menurut Haiyun Ma dan Brendan Newlon, kekuatan *Baizizan* bukan sahaja pada kandungannya, tetapi juga pada bentuknya digubah dalam bahasa Cina klasik dengan gaya puisi *shi*, rangkap empat aksara yang berasal dari zaman Dinasti Tang.³⁴ Gaya ini menjadikan *Baizizan* manifestasi sastera tempatan yang menyampaikan nilai Islam secara berakar budaya. Ia menandakan peralihan penting apabila Islam mula dilihat bukan sebagai agama asing, tetapi sebagai sebahagian daripada identiti budaya Cina.

Oleh itu, *Baizizan* tidak boleh ditanggapi sekadar sebagai teks sastera istana, tetapi sebagai lambang kebijaksanaan strategi silang budaya dan agama. Ia menjadi saksi awal kepada usaha Dinasti Ming membina pemerintahan yang menyeimbangkan hubungan agama dan negara dalam masyarakat majmuk. Nilai utamanya bukan sahaja pada kedudukan sejarah atau sastera, tetapi sebagai jambatan simbolik dan intelektual antara dunia Islam dan tamadun Cina, suatu warisan budaya yang memperteguh jalinan antara nilai sejagat dan identiti tempatan.

Walau bagaimanapun, kesahihan *Baizizan* sebagai hasil karya asli yang ditulis oleh Zhu Yuanzhang terus menjadi medan perdebatan dalam kalangan sarjana. Zvi Ben-Dor Benite, misalnya, berpandangan bahawa eulogi tersebut berkemungkinan besar dikarang oleh sarjana Muslim pada era Dinasti Qing, sebagai sebahagian daripada usaha untuk melegitimasi kedudukan Islam dalam naratif budaya dan sejarah pembinaan empayar Cina.³⁵ Hal ini turut dikaitkan dengan realiti bahawa konsep kenabian atau kerasulan tidak wujud dalam kerangka falsafah tradisional China. Justeru, bagi menyampaikan mesej dan nilai ajaran Islam kepada masyarakat majoriti Han yang berpegang kepada ajaran Konfusianisme, Taoisme dan Buddhisme, para sarjana Hui telah menggunakan istilah-istilah yang sedia wujud dalam tradisi intelektual Cina agar lebih mudah difahami dan diterima. Menurut Clifford H. Plopper:

Dalam wacana tersebut, konsep “penyatuan tiga ajaran” merujuk kepada penggabungan unsur-unsur ajaran Konfusianisme, Buddhisme dan Taoisme ke dalam suatu sistem keagamaan yang bersifat terpadu. Dalam kerangka ini, setiap tradisi berperanan menangani ranah keprihatinan manusia yang berbeza: Konfusianisme mengatur etika sosial dan tata hubungan kemasyarakatan; ritual Taoisme menjadi perantara dalam hubungan berterusan antara manusia dengan makhluk serta kuasa spiritual; manakala ritual Buddhisme berfungsi menenteramkan roh si mati dan menyediakan panduan tentang urusan alam selepas kematian.³⁶

³⁴ Ma Haiyun dan Brendan Newlon. “Praising the Prophet Muhammad in Chinese,” 281. Untuk maklumat lanjut tentang gaya dan sejarah puisi Cina, lihat Zong-qi Cai, *How to Read Chinese Poetry: A Guided Anthology* (New York: Columbia University Press, 2008), 14.

³⁵ Zvi Ben-Dor Benite, “The Marrano Emperor: The Mysterious Bond between Zhu Yuanzhang and the Chinese Muslims,” in *Long Live the Emperor: Uses of the Ming Founder across Six Centuries of East Asian History*, ed. Sarah Schneewind (Minneapolis, MN: Society for Ming Studies, 2008).

³⁶ Clifford H. Plopper, *Chinese Religion Seen through the Proverb*, 2nd ed. (Shanghai: Shanghai Modern Publishing House, 1935), 16.

Pandangan ini diperkuatkan oleh penggunaan gelaran serta struktur bahasa dalam *Baizizan* yang lebih menyerupai gaya kesusasteraan Dinasti Qing. Tambahan pula, terdapat kecenderungan dalam kalangan sarjana Muslim Cina pada zaman Qing untuk menulis semula sejarah dalam kerangka “pengislahan budaya” yakni usaha menampilkan Islam sebagai suatu anutan yang serasi dan selaras dengan nilai-nilai teras masyarakat Cina suku Han.³⁷ Tambahan pula, seperti mana menurut Shaodan Zhang bahawa umat Islam di China pada era lewat empayar sentiasa berinteraksi secara berterusan dengan jiran mereka daripada masyarakat Han [Cina] serta dengan arus perdana budaya Konfusianisme dalam kehidupan seharian.³⁸ Usaha ini tidak sahaja bersifat apologetik, malah merupakan strategi kebudayaan untuk mengekalkan kewujudan Islam dalam sebuah persekitaran yang menuntut asimilasi budaya secara halus.

Selain itu, *Baizizan* sering dirujuk dan disesuaikan maknanya dalam pelbagai karya penulisan Islam pasca-Dinasti Ming, khususnya dalam tiga teks klasik yang dihasilkan oleh sarjana Muslim Cina. Antaranya termasuk *Tianfang Zhisheng Shilu* (*Catatan Benar tentang Nabi dari Tanah Arab*) karya Liu Zhi, yang dihasilkan pada zaman pemerintahan Maharaja Yongzheng (1723-1735)³⁹; *Qingzhen Jiaokao* (*Kajian tentang Agama Suci dan Benar*) oleh Sun Ke'an yang diterbitkan semasa era Daoguang (1821–1850)⁴⁰; serta *Zhengjiao Zhenquan* (*Penjelasan Benar tentang Ortodoksi*) karya Wang Daiyu, yang versi awalnya disusun pada zaman pemerintahan Jiaqing (1796–1820).⁴¹

Ketiga-tiga karya yang dirujuk mengangkat *Baizizan* sebagai teks rasmi empayar Ming, sekali gus memperkukuh naratif hubungan harmoni antara institusi istana dan Islam dalam wacana sejarah Islam di China. Namun demikian, penegasan tersebut tidak disertai dengan bukti kukuh daripada sumber kontemporari Dinasti Ming sendiri, lantas menimbulkan persoalan berkenaan status sebenar *Baizizan* sebagai dokumen rasmi negara. Perkara ini menuntut penelitian semula terhadap *Baizizan* dalam konteks historiografi dan kebudayaan agar kita tidak terjerumus dalam romantisme sejarah yang tidak bersandarkan asas empirikal yang mantap.

Meskipun *Baizizan* telah memainkan peranan penting sebagai teks identiti budaya dan keagamaan dalam kalangan masyarakat Muslim Cina pasca-Dinasti Ming, statusnya sebagai dokumen rasmi empayar masih menuntut penyelidikan yang lebih menyeluruh. Status *Baizizan* sebagai teks rasmi empayar atau sekadar teks komuniti Muslim Cina masih menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana. Persoalan ini tidak hanya berkisar pada isu penentuan kepengarangan, sebaliknya menyentuh persoalan yang lebih mendasar, iaitu bagaimana sesuatu teks memperoleh kewibawaan dalam sejarah Islam di China. Seperti yang diujahkan oleh Glasserman, sarjana Islam di China mentakrifkan syariah sebagai satu set peraturan ilahi yang mengawal pelaksanaan ibadah serta tatacara ritual. Oleh itu, kewibawaan sesuatu teks lazimnya dinilai berdasarkan keselarasan kandungannya dengan kerangka normatif tersebut serta penerimaannya dalam amalan masyarakat.⁴²

³⁷ Untuk perincian mengenai Islam di China sebelum era Republik Nasionalis, termasuk peranan umat Islam dalam masyarakat Cina. Sila lihat Ida Farida, *Islam di Cina pada Masa Republik Nasionalis, 1911–1949 M* (Bachelor's thesis, UIN Raden Fatah Palembang, 2021), accessed June 14, 2025, <https://repository.radenfatah.ac.id/15573/>

³⁸ Shaodan Zhang, “Creation of Chaste Muslim Widows in Late Imperial Confucian-Islamic Cultural Encounters,” *Asian Journal of Women's Studies* 29, no. 2 (2023): 165, <https://doi.org/10.1080/12259276.2023.2216513>

³⁹ James D. Frankel, *Rectifying God's Name: Liu Zhi's Confucian Translation of Monotheism and Islamic Law* (Honolulu: University of Hawai'i Press, 2011), 5.

⁴⁰ Gerhard Bowering, “Preliminary Observations on Islamic Ethics in the Chinese Context,” *Journal of International Business Ethics* 5, no. 2 (2012).

⁴¹ Lindsay Jones, ed., *Encyclopedia of Religion*, 2nd ed., vol. 7 (New York: Macmillan Reference USA, 2005), 4632.

⁴² Glasserman, Aaron Nathan. “Bid'a and Evolving Conceptions of the Shari'a in Qing and Republican China.” *International Journal of Asian Studies*, 2023, 1–16. <https://doi.org/10.1017/S1479591422000535>.

Berdasarkan sumber sejarah yang tersedia pada masa ini, pengiktirafannya sebagai teks rasmi istana tidak dapat disahkan secara muktamad dan masih berada dalam ranah kemungkinan yang bersifat spekulatif. Justeru, sebarang rumusan tentang status *Baizizan* hendaklah disandarkan pada penelitian rinci yang berpaksikan kaedah saintifik dalam disiplin filologi, epigrafi, serta perbandingan sumber yang rapi dan kontekstual. Penegasan tentang kaedah ini menghubungkan semula perbincangan metodologi terdahulu dengan bahagian kesimpulan, sekali gus menunjukkan bahawa tafsiran terhadap teks tidak boleh dipisahkan daripada penelitian yang sistematik dan berdisiplin. Hanya dengan pendekatan sedemikian, wacana mengenai *Baizizan* dapat dibina dengan adil, ilmiah dan bertanggungjawab, serta menghindarkan kita daripada penyimpulan yang terburu-buru dalam menilai warisan sejarah Islam di China.

Kesimpulan

Baizizan berperanan sebagai lambang penyesuaian ajaran Islam dalam konteks budaya tempatan China. Berdasarkan analisis filologi dan epigrafi yang dilaksanakan, kajian ini mendapati bahawa teks tersebut memperlihatkan keselarasan bahasa, gaya retorik dan amalan istana era Zhu Yuanzhang yang mengukuhkan kedudukannya sebagai wacana politik-budaya yang terancang. Ia berfungsi sebagai medium dakwah yang halus, di samping menyumbang kepada penyatuan sosial dan politik dalam sesebuah dinasti yang terdiri daripada pelbagai kelompok agama dan etnik. Melalui penggabungan mesej tauhid dalam bentuk puisi klasik, karya ini memperlihatkan bagaimana ajaran Islam dapat disampaikan secara berhikmah dalam kerangka pemikiran yang turut dipengaruhi oleh unsur-unsur Konfusianisme dan Buddhisme tanpa menimbulkan pertentangan dogmatik, sebaliknya menampilkan penerapan nilai keharmonian sebagai asas bersama.

Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa *Baizizan* bukan sekadar teks pujian keagamaan tetapi merupakan instrumen simbolik legitimasi yang memperlihatkan strategi integrasi Islam dalam struktur kenegaraan Dinasti Ming. Teks ini memperlihatkan bagaimana agama dapat dirumuskan dalam bahasa estetik istana bagi membina kesepaduan politik serta menginstitusikan toleransi dalam kerangka pemerintahan berbilang etnik semasa Dinasti Ming. Meskipun masih diperdebatkan sama ada *Baizizan* digubah oleh seorang maharaja atau oleh sarjana Muslim pada zaman Qing, teks ini tetap menjadi bukti bahawa sastera mempunyai keupayaan untuk merentas sempadan agama, sejarah dan budaya. Lantaran itu, kajian ini terletak pada usaha mengangkat *Baizizan* sebagai sumber sejarah yang dianalisis secara metodologi sekali gus memperluas wacana tentang hubungan antara agama dan kuasa dalam sejarah China. Ia memperlihatkan bahawa perpaduan dalam sesebuah masyarakat tidak hanya digerakkan oleh dasar dan kekuasaan tetapi juga oleh kekuatan makna dan keindahan ungkapan puitis yang membentuk imaginasi kolektif sesebuah tamadun.

Rujukan

Bai, Shouyi 白壽彝. *Zhongguo Yisilan Shi Gangyao* 中國伊斯蘭史綱要 [Outline of Chinese Islamic History]. Shanghai: Wentong Shuju Yinhang, 1948. <https://taiwanebook.ncl.edu.tw/zh-tw/book/NCL-003183111/reader>.

Bangura, Abdul Karim. *Emperor Zhu Yuanzhang's Eulogy of the Prophet Muhammad: Historical, Literary, and Linguistic Analyses*. Lanham, MD: Lexington Books, 2022.

Ben-Dor Benite, Zvi. "The Marrano Emperor: The Mysterious Bond between Zhu Yuanzhang and the Chinese Muslims." In *Long Live the Emperor: Uses of the Ming Founder across Six Centuries of East Asian History*, edited by Sarah Schneewind, 135–58. Minneapolis, MN: Society for Ming Studies, 2008.

Bodde, Derk. *Chinese Ideas about Nature and Society: Studies in Honour of Derk Bodde*. Hong Kong: Hong Kong University Press, 1987.

Bowering, Gerhard. "Preliminary Observations on Islamic Ethics in the Chinese Context." *Journal of International Business Ethics* 5, no. 2 (2012): 5–18.

Cai, Zong-qi. *How to Read Chinese Poetry: A Guided Anthology*. New York: Columbia University Press, 2008.

Chang, Yusuf. "The Ming Empire: Patron of Islam in China and Southeast–West Asia." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 61, no. 2 (255) (1988): 1–44.

Dreyer, Edward L. *Early Ming China: A Political History, 1355–1435*. Stanford, CA: Stanford University Press, 1982.

Dynasties of China. "The History of Ming Dynasty." Accessed June 14, 2025. <https://www.hceis.com/chinabasic/history/ming%20dynasty%20history.htm>.

Esposito, John L., ed. *The Oxford History of Islam*. New York: Oxford University Press, 2000.

Farida, Ida. *Islam di Cina pada Masa Republik Nasionalis, 1911–1949 M*. Bachelor's thesis, UIN Raden Fatah Palembang, 2021. Accessed June 14, 2025. <https://repository.radenfatah.ac.id/15573/>.

Farmer, Edward. *Zhu Yuanzhang and Early Ming Legislation: The Reordering of Chinese Society Following the Era of Mongol Rule*. Leiden: Brill, 2021.

Frankel, James D. *Rectifying God's Name: Liu Zhi's Confucian Translation of Monotheism and Islamic Law*. Honolulu: University of Hawai'i Press, 2011.

Glasserman, Aaron Nathan. "Bid'a and Evolving Conceptions of the Shari'a in Qing and Republican China." *International Journal of Asian Studies*, 2023, 1-16. <https://doi.org/10.1017/S1479591422000535>.

Jaschok, Maria, and Jingjun Shui. *The History of Women's Mosques in Chinese Islam: A Mosque of Their Own*. London: Psychology Press, 2000.

Jones, Lindsay, ed. *Encyclopedia of Religion*. 2nd ed. Vol. 7. New York: Macmillan Reference USA, 2005.

Li, Shujiang, and Zhengwei Wang. *Huizu Minjian Gushi Xuan 回族民間故事選* [Selected Hui Folk Stories]. Shanghai: Shanghai Wenyi Chubanshe, n.d.

Lipman, Jonathan N. *Familiar Strangers: A History of Muslims in Northwest China*. Seattle: University of Washington Press, 1997.

Liu, Zhi 劉智. *Zhisheng Tianfang Shilu 至聖天方實錄* [The Veritable Record of the Most Sagely of the Western Regions]. Vol. 20. Beijing: Zhongguo Yisilanjiao Xiehui, 1984.

Liu, Zhiping. *Zhongguo Yisilan Jiao Jianzhu 中國伊斯蘭教建築* [Islamic Architecture in China]. Urumqi: Xinjiang Renmin Chubanshe, 1985.

Ma, Ci Bo. *Yisilan Jiao zai Zhongguo* 伊斯蘭教在中國 [Islam in China]. Taipei: Tangshan Chubanshe, 2001.

Ma, Haiyun, and Brendan Newlon. "Praising the Prophet Muḥammad in Chinese: A New Translation and Analysis of Emperor Zhu Yuanzhang's Ode to the Prophet." In *Islam and New Directions in World Literature*, edited by Sarah R. Bin Tyer and Claire Gallien, 271–94. Edinburgh: Edinburgh University Press, 2022.

Newlon, Brandon. "Praising the Prophet Muhammad in Chinese: A New Translation and Analysis of Emperor Zhu Yuanzhang's Ode to the Prophet." *The Matheson Trust*. Accessed March 13, 2024. https://www.themathesontrust.org/papers/fareasternreligions/Newlon-Praising_the_Prophet.pdf.

Plopper, Clifford H. *Chinese Religion Seen through the Proverb*. 2nd ed. Shanghai: Shanghai Modern Publishing House, 1935.

Rossabi, Morris. *A History of China*. Chichester: Wiley-Blackwell, 2010.

Sha, Zongping, and Shuchen Xiang. *The Islamic-Confucian Synthesis in China*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield, 2023.

Tan, Ta Sen. *Cheng Ho and Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009.

The Matheson Trust. "The Hundred-Word Eulogy (Baizizan)." Accessed June 14, 2025. <https://www.themathesontrust.org/library/hundred-word-eulogy-baizizan>

Weil, Dror. "Crossing Boundaries: Reading Mirṣād al-ʿIbad in Early Modern China (Redrawing and Straddling Borders)." *International Journal of Asian Studies*, 2024, 1–13. <https://doi.org/10.1017/S1479591423000475>.

Zhang, Shaodan. "Creation of Chaste Muslim Widows in Late Imperial Confucian-Islamic Cultural Encounters." *Asian Journal of Women's Studies* 29, no. 2 (2023): 163–184. <https://doi.org/10.1080/12259276.2023.2216513>

Zhou, Chuanbin, Ping Shang, and Wenkui Ma. 2024. "The Prophet's Day in China: A Study of the Inculturation of Islam in China, Based on Fieldwork in Xi'an, Najiaying, and Hezhou" *Religions* 15, no. 6: 630. <https://doi.org/10.3390/rel15060630>.

